# PJSCA 2019

MANUAL PENYERTAAN

# "PETALING JAYA SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD"

2019

# PJSCA 2019

## “PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019”

Merupakan sebuah Inisiatif tahunan komuniti oleh MBPJ

© MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA, 2018 - 2019 All Rights Reserved

Authorised and published by MBPJ

# PJSCA 2019

## "PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019"

*… mengiktiraf tokoh kemampanan di bandar PJ*

# PJSCA 2019

## "PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019"

*… Individu dan organisasi akan menjadi lebih kuat apabila mereka saling bekerjasama menjadikan PJ sebagai sebuah bandar yang pintar, mampan dan berdaya tahan…*



***Mesej dari***
**YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar**
Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya

*Sebuah bandar yang mampan merupakan bandar yang menyediakan kualiti hidup yang tinggi kepada para penghuninya serta memastikan keperluan generasi akan datang tidak terjejas.*

*Inilah matlamat kami di MBPJ dan kami telah melaksanakan "Petaling Jaya Sustainable Community Award" ini sejak 18 tahun yang lalu, MBPJ mengiktiraf rakyat dan organisasi yang terus bekerjasama dalam menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang pintar, mampan dan berdaya tahan.*



***Mesej dari***
**TPr.Hjh Sharipah Marhaini binti Syed Ali**
Pengerusi PJSCA 2019
Timbalan Setiausaha MBPJ,
Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan

*Anugerah "Petaling Jaya Sustainable Community Award" yang telah dianjurkan oleh Majlis selama 18 tahun ini menyaksikan peningkatan penyertaan warga Petaling Jaya untuk berkerjasama membina bandar Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang boleh dibanggakan.*

*Majlis sentiasa berevolusi dan berinovasi untuk memastikan agenda Majlis dapat dicapai dengan penglibatan inklusif organisasi dan pihak berkepentingan yang sentiasa aktif demi meningkatkan "quality of life" untuk semua. Diharapkan PJSCA 2019 terus menjadi platform kepada penghasilan idea dan inisiatif yang baik.*

# PJSCA 2019

## "PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019"

# Mengenai Anugerah

# Mengenai Anugerah




Anugerah “Petaling Jaya Sustainable Community Award” telah memberi pengiktirafan kepada komuniti dan menyokong kemampanan bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk Petaling Jaya.

Anugerah ini telah diadakan sejak 18 tahun yang lalu, pada tahun 2017, terdapat 2 kategori baharu telah diperkenalkan iaitu ;- Kategori Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dan Kategori Belia berumur 19 hingga 35 tahun. Kategori ini diperkenalkan bertujuan untuk menggalakkan penyertaan generasi muda.

Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA), NGO dan Masyarakat Umum amat digalakkan untuk mengambil bahagian menyertai Anugerah ini bagi memupuk inisiatif kemampanan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih mampan di Petaling Jaya.

Wang tunai dan Geran Pembangunan dijadikan sebagai inspirasi kepada komuniti Petaling Jaya untuk melaksanakan projek dan inisiatif mampan di peringkat tempatan.

# Hasil dan impak anugerah sejak dilancarkan

**Persatuan Penduduk yang terlibat**

# 284

**Bilangan Pihak Berkepentingan**

# 568

**Bilangan Penyertaan Komuniti**

# 4,250

**Bilangan Projek & Inisiatif**

# 2,890

**Bilangan Projek Sosio Ekonomi**

# 1,275

# PJSCA 2019

## PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019

# Petaling Jaya sebuah Bandar Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan

# Menjadikan Petaling Jaya sebuah Bandar Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan




Projek ‘PJ SMART CITY’ oleh MBPJ merupakan inisiatif Majlis untuk memacu Petaling Jaya ke arah Bandar Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan menjelang tahun 2030. Sejajar dengan pembangunan moden yang pesat, MBPJ perlu melaksanakan inisiatif ini ke arah ‘Smart City’ ke arah urus tadbir yang lebih baik kepada penduduknya.

Sistem yang bakal digunapakai akan mengumpulkan data-data bagi mengawal bandar ke arah kemampanan. Masalah kesesakan lalu lintas akan dapat diatasi dan pengurusan sisa akan menjadi lebih terurus dan komuniti akan menjadi lebih aktif dalam inisiatif ke arah menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang mampan.

Projek “PJ SMART CITY” ini juga bakal menjadi platform dimana masalah dapat diselesaikan dengan cara yang lebih kondusif dan jalan penyelesaian dapat dilaksanakan dalam masa yang telah ditetapkan.  Sistem pentadbiran dan pembuatan dasar akan meningkat dengan pesat.

# Menjadikan Petaling Jaya sebuah Bandar Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan

MBPJ telah melancarkan Mini Smart Centre Petaling Jaya yang terletak di Jabatan Perancangan Pembangunan di Ibu Pejabat MBPJ. Ianya kini sedang memantau 70 buah televisyen litar tertutup (CCTV) di sekitar Petaling Jaya. Mini Smart Centre merupakan komitmen awal MBPJ untuk menjadikan PJ Smart Centre sebagai sebuah Command Centre bagi pengumpulan data-data. PJ Smart Centre diwujudkan sebagai sebuah pusat data bagi memantau keseluruhan aspek bandar Petaling Jaya termasuk pengurusan trafik, kualiti udara, pencemaran bunyi dan sistem tadbir urus. Data yang dikumpul akan digunapakai untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk Petaling Jaya. Matlamat ini dapat dicapai dengan pembangunan 84 Dashboard yang mengawal perkhidmatan pengurusan bandar.

Dengan kemajuan sediada serta penggunaan sistem GIS (Geographic Information System), usaha mendapatkan maklumat kritikal yang berkaitan dengan semua sektor pengurusan bandar akan menjadi lebih cepat dan efisyen. Sehubungan dengan itu, tidak ragu-ragu lagi Petaling Jaya bakal menjadi sebuah bandar yang pintar, mampan dan berdaya tahan menjelang tahun 2030.

# PJSCA 2019

## "PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019”

# “Sustainable Development Goals"

# “Sustainable Development Goals"




“Sustainable Development Goals (SDGs) (atau dikenali sebagai Global Goals for Sustainable Development, 17 Global Goals) merupakan sebuah agenda yang ditetapkan semasa Persidangan Umum Persatuan Bangsa – Bangsa Bersatu pada tahun 2015. Mengandungi 17 sasaran berskala global yang dirangka sebahagian daripada Resolusi 70/1 Persidangan Umum Persatuan Bangsa – Bangsa Bersatu: ‘Transformasi Dunia: Agenda Pembangunan Mampan 2030’. Agenda tersebut mempunyai sasaran yang meluas untuk dicapai, merangkumi isu pembangunan sosial dan ekonomi yang mencabar seperti kemiskinan, kebuluran, kesihatan, pendidikan, pemanasan global, kesaksamaan jantina, sumber air dan tenaga, kebersihan, urbanisasi, alam sekitar dan keadilan sosial.

# “Sustainable Development Goals"




Goal 1: No Poverty




Goal 2: Zero Hunger




Goal 3: Good Health and Well-Being




Goal 4: Quality Education




Goal 5: Gender Equality




Goal 6: Clean Water and Sanitation




Goal 7: Affordable and Clean Energy




Goal 8: Decent Work and Economic Growth




Goal 9: Industry, Innovation and Infrastructure




Goal 10: Reduced Inequalities




Goal 11: Sustainable Cities and Communities




Goal 12: Responsible Production and Consumption

# “Sustainable Development Goals"




Goal 13: Climate Action




Goal 14: Life Below Water




Goal 15: Life On Land




Goal 16: Peace, Justice and Strong Institutions




Goal 17: Partnerships for the Goals

Untuk maklumat lanjut sila lawati
pautan dibawah :-

**https://www.un.org/sustainabledevelopment/sustainable-development-goals/**

# PJSCA 2019

"PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019”

# Panel Juri

# Panel Juri



## TPr. Hjh Sharipah Marhaini binti Syed Ali

| | |
|---|---|
| **JAWATAN / KELAYAKAN** | • Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Petaling Jaya merangkap Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan<br>• Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Perancangan Bandar dan Wilayah), Universiti Teknologi Malaysia<br>• Ahli Pertubuhan Perancang Bandar (MIP No: 402/98) - 3 April 1998<br>• Ahli Lembaga Berdaftar Lembaga Perancang Bandar |
| **PENCAPAIAN** | • Mempunyai pengalaman dalam bidang perancangan bandar selama 26 tahun sebagai Pengarah / Pegawai Perancang Bandar<br>• Melaksanakan Program Local Agenda 21 bagi Majlis Bandaraya Petaling Jaya sejak tahun 2000 dan Pelan Strategik Sustainable PJ 2030 disediakan pada tahun 2012 di bawah Jabatan Perancangan Pembangunan<br>• Menghasilkan Laporan Rangka Kerja Polisi Perancangan Strategik 'Sustainable Petaling Jaya 2030' sebagai panduan 'strategic action' bagi jabatan-jabatan lain di Majlis |

# Panel Juri



## Datin TPr. Hjh Mazrina Bt. Dato' Abdul Khalid

| | |
|---|---|
| **JAWATAN / KELAYAKAN** | • Setiausaha, Malaysian Institute of Planners (MIP) - 559/09<br>• Managing Partner - Urban Scale Sdn. Bhd.<br>• Bachelor of Applied Science in Town Planning - Royal Melbourne Institute of Technology University (RMIT - Australia)<br>• Executive Master Business Administration (EMBA- UiTM) Shah Alama<br>• Malaysian Board of Town Planners, Registered Town Planner No.A0370<br>• Malaysian Institute of Planners, Corporate Membership No. 559/09<br>• Malaysian Institute of Planners (MIP) Council Member 2009/2011, Exco Member since 2013 - present<br>• 22 tahun bekerja dalam bidang Perancang Bandar di Melbourne City Council (MCC) Australia<br>• Peremba Jaya Holdings Sdn. Bhd.<br>• KWA Associate Planners Sdn. Bhd.<br>• Urban Scale Sdn. Bhd. |
| **PENCAPAIAN** | • Beliau juga terlibat dalam penyediaan Pelan Strategik 'Sustainable PJ 2030' Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada tahun 2008<br>• Co-writer of Low Carbon Cities Framework and Assessment System 2011 (LCCF) |

# Panel Juri



## TPr. Mohd Zamri Husin

| | |
|---|---|
| **JAWATAN / KELAYAKAN** | • Honorary Treasurer - Malaysian Institute of Planners (MIP)-430/01<br>• Principal - Citiplan Network (Town Planning Consultant)<br>• Perancang Bandar Berdaftar LPBM Ahli (Swasta) Lembaga Perancang Bandar Malaysia<br>• Pengerusi Jawatankuasa Praktis Professional 2018 - 2020<br>• MSc Land Admin & Development - UTM Skudai Johor Bahru<br>• Corporate Member (Registered Town Planner) APPM Registration No. 430/2001<br>• LPBM Registration No. A0236<br>• Fellow Member of Malaysian Institute of Planners (MIP) FPPM Registration No. 430/2001<br>• Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (PERTAMA) No. 061/2014<br>• Malaysian Institute of Planners (MIP) Council Member 2017 / 2019 |
| **PENCAPAIAN** | • 22 tahun bekerja dalam bidang Perancang Bandar dan mempunyai pengalaman bekerja yang amat luas di Lion Group Property Berhad, MRCB Berhad, Plus ERA Group of Companies, AMDB Berhad dan Pengarah Urusan Citiplan Networks |

# Panel Juri



## Ar. Ahmad Ridha bin Ar. Abd Razak

| | |
|---|---|
| **JAWATAN / KELAYAKAN** | • Council Member 2015 - 2018<br>• Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) - M2338<br>• AbRAZ Arkitek<br>• SEETIZENS LAB Sdn. Bhd.<br>• Bachelor of Architectrure (1st Class Hons) - RMIT University<br>• GBI Facilitator (GBIF 0052)<br>• LAM PII Examination Pass (LAM A/A177)<br>• Diploma International Arbitration MERIT (Marks 72) |
| **PENCAPAIAN** | • Member of Sustainable Committee 2010 - 2011<br>• Drafting team for GBI tool NREB & Industrial Tool<br>• Member Professional Practice Committee 2013 - 2016<br>• Member Alternative Dispute Resolution Committee 2013 - 2015<br>• PAM Representative at focus group for KLISBEST & OSC 3.0 2014<br>• PAM Representative for briefing on industrial capability assessment and develpment (ICAD) plan study for Malaysian Nuclear Power nfrastructure Development 2014 |

# Panel Juri



## Mohd Hafizuddin Bin Idris

| | |
|---|---|
| **JAWATAN / KELAYAKAN** | • Penggiat seni<br>• Bachelor of Interactive Multimedia Design - Lim Kok Wing University<br>• Bachelor of Law - UiTM<br>• SEETIZENS LAB Sdn. Bhd. |
| **PENCAPAIAN** | • 11 tahun pengalaman dalam bidang industri kreatif<br>• 7 tahun pengalaman dalam bidang legal corporate commercial<br>• Vision Work<br>• Member of Bar Malaysia<br>• Member of Bar Selangor<br>• Lee Choon Wan & Co.<br>• Teraju Empayar Global |

# Panel Juri



## Mohd Fauzi bin Maarop, PJK

| | |
|---|---|
| **JAWATAN / KELAYAKAN** | • Pengarah Jabatan Penguatkuasaan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya<br>• Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi (Kewangan dan Perdagangan Antarabangsa) - Universiti Putra Malaysia (UPM) |
| **PENCAPAIAN** | • Bertanggungjawab sebagai Ketua Jabatan Penguatkuasaan MBPJ sejak tahun 2009 sehingga kini. Bidang tugas utama adalah menguatkuasa undang-undang dan keselamatan<br>• Bertanggungjawab membantu Majlis bagi program keselamatan Majlis iaitu sebagai urusetia Pasukan Keselamatan Kejiranan (PKKPJ) MBPJ melibatkan Persatuan Penduduk RA / RT / JMB penduduk Petaling Jaya sejak tahun 2011 sehingga kini<br>• Bertanggungjawab berhubung projek Smart City di MBPJ bagi pengkhususan Enforcement Mini Smart Centre<br>• Terlibat secara langsung dengan program-program Majlis dan masyarakat |

# PJSCA 2019

"PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019"

# Tarikh Penting

# Tarikh Penting

| | | |
|---|---|---|
| NOV | 7 | PENGHANTARAN BORANG *INTEREST TO SUBMIT* |
| NOV | 9 | TAKLIMAT PENYERTAAN |
| NOV | 22 | PENGHANTARAN LAPORAN |
| NOV | 25-30 | PENILAIAN LAPORAN |
| DEC | 7-8 | PANGGILAN PEMBENTANGAN |
| DEC | 13 | MAJLIS PJSCA 2019 |

# PJSCA 2019

## "PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019"

# Kategori Anugerah

# Kategori anugerah

# 1. Kategori Kanak-kanak

## HURAIAN

Kategori ini merupakan kategori baru yang diperkenalkan pada tahun 2017. Kanak-kanak memainkan peranan penting didalam menjadikan bandaraya sebagai sebuah bandar yang mampan. Idea serta pandangan amat diperlukan bagi mewujudkan komuniti yang pintar, mampan dan berdaya tahan.

## SYARAT PENYERTAAN

Kanak-kanak berumur diantara 7 hingga 17 tahun.

## CADANGAN PENYERTAAN

Penyertaan bagi kategori ini boleh dicadangkan oleh Persatuan Penduduk, NGO, Institusi Pendidikan atau Perniagaan.

## DOKUMEN PENYERTAAN

Satu A1 "presentation board" dan model fizikal “PJ City Place Making”.

Isi Kandungan :

- Nama projek
- Kategori projek (Eco / Sosial / Ekonomi )
- Pihak berkepentngan
- Masalah dihadapi
- Penyelesaian masalah

## KAEDAH PENILAIAN

Penghantaran di kaunter pejabat Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ

# 2. Kategori Belia

## HURAIAN

Kategori ini merupakan kategori yang baru diperkenalkan pada tahun 2017. Belia merupakan bakal pemimpin pada masa hadapan yang akan menggerakkan pembangunan komuniti. Belia memainkan peranan penting dalam mewujudkan komuniti yang mampan – Kategori ini memberi peluang mereka mempamerkan idea dalam menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang pintar, mampan dan berdaya tahan.

## SYARAT PENYERTAAN

Belia berumur diantara 18 hingga 35 tahun.

## CADANGAN PENYERTAAN

Penyertaan bagi kategori ini boleh dicadangkan oleh Persatuan Penduduk, NGO, Institusi Pendidikan atau Perniagaan.

## DOKUMEN PENYERTAAN

Satu dokumen laporan (PDF Format) bersaiz A3 yang mengandungi:

- Nama Projek dan Lokasi Projek
- Status , Saiz / Skala projek
- Objektif dan strategi projek
- Nama-nama ahli & pihak berkepentingan
- Masalah dihadapi
- Penyelesaian masalah
- Kelebihan projek atau inisiatif
- Hasil yang diharapkan

## KAEDAH PENYERTAAN

Penghantaran di kaunter pejabat Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ

# 3. Kategori Komuniti (A)

## HURAIAN

Penyertaan dan kerjasama dalam kalangan anggota komuniti adalah amat penting dalam mewujudkan bandaraya mampan. Kategori ini terbuka kepada semua komuniti sekitar Petaling Jaya yang bergiat aktif membangunkan projek atau inisiatif bagi menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang pintar, mampan dan berdaya tahan.

## SYARAT PENYERTAAN

NGOs, Persatuan, Organisasi & Kelab

## CADANGAN PENYERTAAN

Penyertaan bagi kategori ini boleh dicadangkan oleh mana-mana individu atau Persatuan yang berpusat di sekitar Petaling Jaya.

## DOKUMEN PENYERTAAN

Satu dokumen laporan (PDF Format) bersaiz A3 yang mengandungi:

- Nama Projek dan Lokasi Projek
- Status , Saiz / Skala projek
- Objektif dan strategi projek
- Nama-nama ahli & pihak berkepentingan
- Masalah dihadapi
- Penyelesaian masalah
- Kelebihan projek atau inisiatif
- Hasil yang diharapkan

## KAEDAH PENYERTAAN

Penghantaran di kaunter pejabat Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ

## Kategori Anugerah

# 4. Kategori Komuniti (B)

### HURAIAN

Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga merupakan Pusat bagi komuniti mewakili suara-suara Penduduk di kawasan komuniti tersebut.  Kategori ini diwujudkan bertujuan untuk mempamerkan usaha-usaha dan sumbangan komuniti bagi pembangunan setempat ke arah kemampanan bandar.

### SYARAT PENYERTAAN

Persatuan Penduduk (RA) &
Rukun Tetangga (RT)

### CADANGAN PENYERTAAN

Penyertaan bagi kategori ini boleh dicadangkan oleh ADUN / Ahli Majllis zon masing-masing.

### DOKUMEN PENYERTAAN

Satu dokumen laporan (PDF Format) bersaiz A3 yang mengandungi:

- Nama Projek dan Lokasi Projek
- Status , Saiz / Skala projek
- Objektif dan strategi projek
- Nama-nama ahli & pihak berkepentingan
- Masalah dihadapi
- Penyelesaian masalah
- Kelebihan projek atau inisiatif
- Hasil yang diharapkan

### KAEDAH PENYERTAAN

Penghantaran di kaunter pejabat Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ

# 5. Kategori Rakan Kongsi Strategik

## HURAIAN

Kategori Rakan Kongsi Strategik merupakan kategori baru yang diwujudkan untuk Anugerah “Petaling Jaya Sustainable Community Award” 2019. Kategori ini diwujudkan bagi membina rangkaian dan kolaborasi bersama rakan kongsi / stakeholders.

## SYARAT PENYERTAAN

Syarikat yang beroperasi di Petaling Jaya seperti pemaju, perunding, pengendali perniagaan yang melaksanakan program atau inisiatif ke arah kemampanan bandar.

## DOKUMEN PENYERTAAN

Satu dokumen laporan (PDF Format) bersaiz A3 yang mengandungi:

- Nama Projek dan Lokasi Projek
- Status , Saiz / Skala projek
- Objektif dan strategi projek
- Nama-nama ahli & pihak berkepentingan
- Masalah dihadapi
- Penyelesaian masalah
- Kelebihan projek atau inisiatif
- Hasil yang diharapkan

## KAEDAH PENYERTAAN

Penghantaran di kaunter pejabat Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ

## YURAN PENYERTAAN : RM 1,000.00

# 6. Kategori Sekolah

## HURAIAN

Kategori sekolah merupakan kategori baru yang diwujudkan untuk Anugerah "Petaling Jaya Sustainable Community Award" 2019. Kategori ini diwujudkan bagi menarik minat para pelajar melaksanakan program dan projek ke arah pembangunan mampan selaras dengan wawasan 'Sustainable PJ 2030'.

## SYARAT PENYERTAAN

Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah sekitar Petaling Jaya yang melaksanakan program dan inisiatif ke arah bandaraya mampan. (Mesti didalam kumpulan)

## CADANGAN PENYERTAAN

Penyertaan untuk kategori ini harus dicadangkan oleh Institusi Pendidikan, Organisasi, Kelab atau sekolah.

## DOKUMEN PENYERTAAN

Satu dokumen laporan (PDF Format) bersaiz A3 yang mengandungi:

- Nama Projek dan Lokasi Projek
- Status , Saiz / Skala projek
- Objektif dan strategi projek
- Nama-nama ahli & pihak berkepentingan
- Masalah dihadapi
- Penyelesaian masalah
- Kelebihan projek atau inisiatif
- Hasil yang diharapkan

## KAEDAH PENYERTAAN

Penghantaran di kaunter pejabat Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ

# PJSCA 2019

## "PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019"

# Kriteria Penilaian

# 7 Kriteria Penilaian

## Kemampanan Projek

Bagaimana sesebuh projek tersebut memberi kesan kepada sosial, ekonomi atau alam sekitar bagi menjadi sebuah bandaraya mampan.

## Inovasi Projek

Projek merupakan sebuah idea baru dan unik dan merupakan projek yang pertama di Petaling Jaya.

## Metodologi Projek

Penetapan proses kerja yang teratur bagi memastikan projek mudah dilaksanakan dan dipantau

## Jalinan Kerjasama

Penglibatan dan jalinan kerjasama daripada pihak berkepentingan didalam projek yang dijalankan

## Skala Projek

Memastikan projek yang dilaksanakan mudah diadaptasi dan dipraktikkan oleh komuniti lain yang memberi kebaikan kepada komuniti setempat.

## Kesan Projek

Mengatasi cabaran yang dihadapi dan memberi impak yang positif kepada komuniti setempat.

## Kualiti Pembentangan

Kebolehan penyampaian maklumat yang jelas berkaitan projek atau inisiatif dihadapan panel penilai.

# PJSCA 2019

## "PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019”

# Syarat - Syarat Umum Penyertaan

# Syarat-syarat Umum Penyertaan

# Kepada Semua Kategori

## Dokumen Cetakan

Tiga (3) dokumen cetakan bagi setiap laporan penyertaan perlu dikemukakan bagi tujuan penilaian oleh panel penilai. Laporan penyertaan mestilah mengandungi butiran berikut:-

- Abstrak minimum 300 – 600 patah perkataan berkaitan projek atau inisiatif yang dilaksanakan
- Testimoni bertulis daripada orang yang menerima manfaat projek (Jika berkaitan)
- Bukti cadangan penyertaan

## Imej & Media

- Minima lima (5) imej resolusi tinggi (Preferred JPEG, / JPG or GIF) , 300 pixels per inch dan sekurang-kurangnya 2,000 pixels (lebar atau tinggi) dan satu (1) video (Jika ada) berkaitan projek atau inisiatif
- Imej dan video (Jika ada) perlu dilabel dengan jelas

## Dokumen Digital

- Satu (1) CD mengandungi kesemua maklumat, gambar, imej dan video berkaitan

## Alamat Rujukan

- Jabatan Perancangan Pembangunan
  Majlis Bandaraya Petaling Jaya
  Jalan Yong Shook Lin
  46675 Petaling Jaya
  Selangor Darul Ehsan.

## Asas Pertimbangan

- Sekretariat Anugerah akan meminta maklumat tambahan jika perlu
- Penyertaan yang disenarai pendek akan dipanggil ke sesi pembentangan dihadapan panel juri
- Satu lawatan tapak akan dimaklumkan kelak (Jika berkaitan)

Penyerahan laporan dikehendaki dihantar kepada Urusetia pada **22 November 2019 jam 5.00 petang**. Penyerahan laporan lewat dari tarikh tutup penyertaan tidak akan dipertimbangkan.

# PJSCA 2019

## “PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019”

# Syarat Penyertaan

# Syarat Penyertaan

MBPJ berhak untuk menyimpan dan menggunakan imej serta penyertaan peserta dibenarkan untuk disiarkan (Salinan fizikal dan atas talian.

Salinan laporan yang dikemukakan oleh peserta tidak akan dikembalikan semula kepada pemohon, melainkan diatas permintaan peserta selepas penyampaian Majlis Anugerah berlangsung.

Peserta tidak boleh membuat sebarang tuntutan hak cipta atau harta intelek terhadap projek atau inisiatif yang dilaksanakan.  Peserta dianggap bersetuju untuk membenarkan MBPJ daripada dikenakan sebarang liabiliti berkaitan kerahsiaan atau isu-isu harta intelek yang mungkin dituntut oleh pihak ketiga.

MBPJ berhak menyiar mana-mana dokumen penyertaan dan peserta dianggap memberi kebenaran kepada MBPJ untuk menerbit, mempamer dan mempromosi isi kandungan tersebut.  MBPJ akan mempromosi dan memberi kredit kepada peserta dan peserta haruslah mengemukakan sebarang bahan / maklumat tambahan untuk tujuan pameran dan penerbitan sekiranya diperlukan.

MBPJ berhak mencipta semula bahan penyertaan secara keseluruhan atau sebahagian tanpa sebarang tuntutan royalti terhadap hakcipta.

**PENYERTAAN AKAN DITOLAK SEKIRANYA:**

- **Dokumen tidak lengkap**
- **Dokumen dihantar selepas tarikh tutup penyertaan**
- **Tidak mematuhi syarat-syarat penyertaan yang telah ditetapkan**

Panel juri berhak membuat pindaan kepada kategori bersesuaian bagi memudahkan proses pemilihan pemenang.  Sebarang pindaan akan dimaklumkan kepada peserta yang terlibat.

# PJSCA 2019

## “PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019”

# Dokumen Serahan

# Dokumen serahan

# Pencalonan (Borang A1)

Nama pencalon:

______________________________________________________________________

No. Tel______________________________ No. Sambungan.__________________

No.HP.______________________________ Emel____________________________

Nama Individu / Organisasi / Institusi:

______________________________________________________________________

Nama projek / inisiatif:

______________________________________________________________________

No. Rujukan penyertaan:____________________________________

Nama Komuniti / Kawasan yang terlibat bagi projek / inisiatif ini:

______________________________________________________________________

Saya memperakui bahawa segala maklumat dan dokumen yang dikemukan bagi penyertaan individu / organisasi / institusi adalah benar dan saya bertanggungjawab bagi penyertaan tersebut.

.........................................................

Tandatangan pencalon &
Cop organisasi
(Jika ada)

# Dokumen serahan

# Butiran penyertaan (Borang A2)

Nama Individu / Organisasi / Institusi:

______________________________________________

*Nama pada sijil penyertaan*

No. Rujukan Penyertaan: ____________________________

Nama projek / inisiatif:

______________________________________________

*Nama Projek / Inisiatif pada sijil penyertaan*

Nama Rujukan: ____________________________________________

No. Tel:_______________________No. Sambungan: _______________

No.HP:_______________________Emel:_______________________

Kategori penyertaan:

○KATEGORI KANAK-KANAK ○KATEGORI BELIA

○KATEGORI KOMUNITI (A) ○KATEGORI KOMUNITI (B)

○KATEGORI RAKAN KONGSI STRATEGIK ○ KATEGORI SEKOLAH

Jenis projek / inisiatif:

○SOSIAL ○EKONOMI ○ALAM SEKITAR

Jumlah ahli kumpulan :_________________________

**Senarai semak dokumen serahan:**

☐**Borang pencalonan yang lengkap (Borang A1)**
☐**Butiran penyertaan yang lengkap (Borang A2)**
☐**Tiga laporan penyertaan**
☐**USB / Thumbdrive / CD yang mengandungi dokumen dan laporan penyertaan (Termasuk gambar / video)**

Bagi penyertaan untuk **Kategori Rakan Kongsi Strategik** pembayaran sebanyak RM1,000.00 perlu dibayar ke **Majlis Bandaraya Petaling Jaya FKA MPPJ (Akaun Maybank No. 514187403391).** Sila fax slip transaksi ke 03-7958 8392 atau email ke sustainablecommunitymbpj@gmail.com sebagai bukti pembayaran.

# PJSCA 2019

## PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2019

*… Individu dan organisasi akan menjadi lebih kuat apabila mereka saling bekerjasama menjadikan PJ sebagai sebuah bandar yang pintar, mampan dan berdaya tahan…*

**PJSCA 2019**

MANUAL PENYERTAAN

# "PETALING JAYA SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD"

2019